

Received	1 December 2025	Accepted	2 December 2025
Revised	20 December 2025	Published	29 December 2025
Volume	7, December 2025	Pages	116-133
http://doi.org/			
To cite: Khairul Asyraf Mohd Nathir, et.al. 2025. Variasi lafaz Makkah dalam al-Quran: suatu analisis balaghah. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 7 (December 2025): 116-133. DOI: http://doi.org/			

Variasi Lafaz Makkah dalam al-Quran: Suatu Analisis Balaghah

Variations of the Term Makkah in the Qur'an: A Rhetorical (Balaghah) Analysis

Khairul Asyraf Mohd Nathir¹, Amani Nawi² & Che Abdul Majid Che Omar³

Abstrak

Makkah dikenali sebagai kota suci umat Islam. Dalam al-Quran, lafaz "Makkah" disebut dengan nama yang berbeza seperti al-Balad al-Amīn, Umm al-Qurā, al-Masjid al-Harām dan pelbagai lagi yang sarat dengan unsur retorik dan teologis. Namun, penjelasan tentang perbezaan penggunaan lafaz-lafaz ini dari aspek linguistik dan nilai balaghah masih terhad dan perlu dikembangkan. Objektif kajian ini adalah menganalisis lafaz-lafaz yang merujuk kepada "Makkah" melalui kerangka balaghah untuk memahami bagaimana al-Quran membina representasi linguistik kota suci ini. Dengan pendekatan analisis teks kualitatif, kajian ini mengkaji unsur-unsur retorik seperti isti'ārah, kināyah, iltifāt, uslūb al-qasr, dan susunan taqdīm wa ta'khīr dalam ayat-ayat berkaitan.. Dapatan analisis terhadap lima jenis lafaz yang merujuk kepada Makkah menunjukkan bahawa penggunaan setiap lafaz adalah tepat pada konteks, makna, masa dan jalan cerita yang ingin disampaikan. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai penanda ruang sucisekaligus sebagai simbol kesatuan umat, sistem ibadah, dan kosmologi Islam. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman holistik mengenai representasi linguistik tempat suci dalam wahyu Ilahi.

Kata kunci: Lafaz Makkah, al-Quran, balaghah, retorik, analisis linguistik

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
e-Mail: khai.asyraf@usim.edu.my

² Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
e-Mail: amani@usim.edu.my

³ Effah Travel Sdn Bhd. CEO Planning & Development. e-Mail: cheabdulmajid@gmail.com

Abstract

Makkah is recognized as the sacred city of Muslims. In the Qur'an, the term "Makkah" is referred to by different names such as al-Balad al-Amīn, Umm al-Qurā, al-Masjid al-Harām, and others, each rich in rhetorical and theological significance. However, explanations of the differences in the use of these terms from a linguistic and rhetorical (balāghah) perspective remain limited and require further development. This study aims to analyze the various terms referring to "Makkah" through a balāghah framework in order to understand how the Qur'an constructs the linguistic representation of this sacred city. Employing a qualitative textual analysis approach, the study examines rhetorical elements such as isti'ārah (metaphor), kināyah (metonymy), iltifāt (shifts in discourse), uslūb al-qasr (restrictive style), and patterns of taqdīm wa ta'khīr (foregrounding and postponement) in relevant verses. The findings from the analysis of five types of terms referring to Makkah indicate that the use of each term is precisely aligned with its context, meaning, temporal setting, and the narrative purpose intended. These terms function not only as markers of sacred space but also as symbols of the unity of the Muslim community, the system of worship, and Islamic cosmology. This study contributes to a holistic understanding of the linguistic representation of sacred places in Divine revelation.

Keywords: Makkah terminology, Qur'an, balāghah, rhetoric, linguistic analysis

Pengenalan

Makkah menduduki kedudukan utama dalam kosmologi Islam. Ia bukan sekadar label geografi yang statik, tetapi sebagai satu entiti linguistik yang dinamik dan kompleks, yang boleh ditafsir melalui kerangka retorik wahyu (Aiza & Ratna, 2020). Al-Quran tidak hanya menyebut Makkah sebagai sebuah kota fizikal semata-mata, bahkan membangunkannya sebagai satu konsep teo-sosial melalui pemilihan lafaz yang teliti. Setiap lafaz yang merujuk kepada Makkah dibentuk dengan seni balaghah yang tinggi dan mengandungi makna semantik yang mendalam. Fenomena ini menunjukkan bahawa penggambaran Makkah dalam teks suci al-Quran bersifat analitik dan simbolik, yang mana kota suci tersebut ditransformasi daripada sebuah lokasi fizikal kepada satu tanda linguistik yang menghidupkan makna spiritual, ibadah, dan masa.

Lafaz-lafaz seperti *al-Balad al-Amīn* (Negeri yang Aman) dalam Surah al-Tīn (95:3), *Umm al-Qurā* (Ibu Kota) dalam Surah al-An'ām (6:92), dan *al-Masjid al-Harām* (Masjid yang Diharamkan) dalam Surah al-Baqarah (2:144) bukanlah sekadar penamaan deskriptif atau geografikal. Setiap lafaz tersebut merupakan satu simbolik yang berfungsi sebagai nod dalam jaringan makna yang menghubungkan lokaliti kota Makkah dengan sistem nilai iaitutauhid ritual ibadah yang teratur (seperti haji, solat, dan puasa), serta sistem takwim dan penetapan masa dalam Islam yang bersifat suci dan berputar secara berkala. Dengan erti kata lain, Makkah dalam naratif al-Quran

bukan sekadar menunjukkan tempat; ia adalah satu metafora pusat yang menyusun ruang, masa, dan amalan keimanan (Zaid 2018; Nik Muhamad & Md. Nor, 2024).

Penelitian terhadap fenomena linguistik ini penting kerana ia mendedahkan kepada masyarakat umum dan umat Islam khususnya tentang fungsi teks keagamaan yang berperanan untuk membentuk realiti sosial dan kesedaran tauhid secara kolektif. Dalam konteks linguistik moden, pendekatan *Corpus Linguistics* dan *Critical Discourse Analysis* (CDA) telah membuktikan bahawa pemilihan leksikal dan struktur wacana bukanlah berlaku secara neutral, tetapi membawa ideologi dan membina realiti tertentu (Benyahia, 2021; Kurniawan, E., & Mustaniruddin, A., 2024). Dalam konteks al-Quran, kekuatan bahasa yang diekspresikan melalui seni balaghah yang unik berfungsi untuk membina satu kosmologi alternatif, yang mana Makkah telah ditonjolkan sebagai pusat orientasi makna, nilai, dan identiti yang membezakannya daripada pusat-pusat kekuasaan lain pada zaman penurunannya (Kazi, 2025).

Pendekatan ini juga selari dengan konsep *spiritual geography* dan *linguistic landscape* dalam kajian agama kontemporari, yang mana tempat suci dibina dan dikekalkan kesuciannya melalui wacana dan praktis linguistik yang berulang (Aqsa, 2021). Walau bagaimanapun, tinjauan literatur tentang variasi lafaz Makkah menunjukkan bahawa kajian lepas lebih banyak tertumpu kepada aspek sejarah, fiqh (perundangan), dan falak (astronomi). . Sebahagian besar perbincangan akademik masih memfokuskan perkembangan sosio-sejarah kota tersebut, analisis hukum-hukum kontemporari berkaitan ibadah haji dan umrah, atau perbincangan teknikal falak mengenai penentuan arah kiblat dan penyatuan takwim Hijri (Al-Matroudi, 2016; Arwin & Muhammad, 2020; Salsabila et. al, 2025). Contohnya, kajian oleh Al-Matroudi (2016) mengupas secara mendalam evolusi hukum haji dalam mazhab Hanbali, sementara Arwin dan Muhammad (2020) memberi tumpuan kepada cabaran saintifik dalam penyeragaman kalendar Islam global yang berpusatkan cerapan hilal. Kajian-kajian seperti ini amat berharga dari sudut disiplin masing-masing, namun ia cenderung memisahkan analisis hukum atau sains daripada analisis mendalam terhadap teks sumber yang menjadi asas autoriti hukum dan konsep saintifik tersebut.

Sementara itu, analisis mendalam yang berpusat pada dimensi linguistik dan retorik (balaghah) terhadap lafaz-lafaz khusus yang merujuk kepada Makkah dalam al-Quran masih lagi bersifat marginal dan belum diterokai secara sistematik dalam dekad terkini. Walaupun terdapat kebangkitan minat dalam kajian linguistik al-Quran, seperti yang ditunjukkan oleh karya Zaid (2018) yang menggunakan pendekatan *Systemic Functional Linguistics* (SFL), tumpuan sering diberikan kepada struktur wacana secara makro atau aspek gramatikal, bukannya kepada analisis semantik-retorik bagi kelompok leksikal khusus (Maisa & Ashinida, 2025). Kajian-kajian yang secara khusus menyelidik nilai balaghah dalam ayat-ayat yang mengandungi lafaz Makkah kebanyakannya masih bersifat tradisional, iaitu muncul sebagai sebahagian daripada huraian tafsir yang lebih umum atau nota pengajaran balaghah, dan bukannya sebagai penyelidikan yang mandiri yang menggunakan kerangka teori linguistik semasa (Adli & Abdullah, 2024).

Justeru itu, wujud ruang yang signifikan untuk kajian yang menggabungkan ketelitian analisis balaghah klasik dengan perspektif teori linguistik moden

seperti *Semantic Field Theory* atau *Conceptual Metaphor Theory* untuk membedakan makna lafaz-lafaz Makkah (Yousif, 2017). Kekurangan ini mewujudkan satu jurang epistemologi, yang mana pemahaman tentang Makkah sebagai satu teks linguistik dan sebagai hasil retorik Ilahi masih terpinggir berbanding pemahaman tentang fakta sejarah atau sebagai subjek hukum. Jurang ini mencerminkan satu cabaran yang lebih besar dalam pengajian Islam kontemporari, iaitu kesukaran untuk melakukan pendekatan atau cara pandang yang menggabungkan dua atau lebih disiplin ilmu dalam satu bidang kajian untuk mengkaji satu-satu topik, fenomena atau masalah yang lebih kompleks. Hal yang demikian ini penting bagi merapatkan jurang antara ilmu naqli (berasaskan teks) dan aqli (berasaskan rasional), serta antara sains kemanusiaan dan sains sosial bagi mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif daripada hanya menggunakan satu disiplin ilmu saja (Zarkasih et. al, 2019).

Lantaran itu, penggunaan lafaz Makkah sebagai satu konsep holistik yang merangkumi dimensi teks, simbol, amalan, dan kosmologi agama Islam jarang dianalisis secara integratif dengan menggunakan alat kajian yang canggih dari bidang linguistik, analisis wacana, dan kajian agama. Pendekatan yang lebih integratif ini adalah sangat penting dan menjadi keperluan bagi memahami teks kompleks seperti ayat suci Al-Quran. Ia bukan hanya tentang *apa* yang dikatakan oleh al-Quran tentang Makkah, tetapi *bagaimana* ia disampaikan kepada umat Islam dalam usaha membentuk pemikiran dan keyakinan sepanjang zaman (Aiza & Ratna, 2020).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan teks untuk mengkaji representasi linguistik dan retorik lafaz Makkah dalam al-Quran. Pendekatan ini dipilih selari dengan objektif kajian yang ingin mengkaji kandungan teks secara sistematik untuk memahami makna, struktur, dan unsur semantik, stilistik, dan pragmatik yang terkandung di dalamnya. Kajian ini bersifat deskriptif secara analitik, bertujuan untuk menerangkan, menghuraikan, dan mentafsirkan penggunaan lafaz-lafaz Makkah dalam korpus al-Quran melalui lensa ilmu balaghah.

Sumber Data

Data kajian terdiri daripada dua kategori utama:

Data Primer: Sumber data primer adalah teks al-Quran. Semua ayat yang mengandungi lafaz-lafaz berkaitan Makkah, seperti *al-Balad*, *Umm al-Qurā*, *al-Masjid al-Harām*, *al-Bayt*, *al-Haram*, dan variasi lainnya, akan dijadikan sebagai bahan analisis utama. Pengenalpastian ayat-ayat ini dilakukan secara sistematik melalui penggunaan indeks tematik al-Quran yang standard seperti *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* serta pangkalan data dan korpus digital berautoriti, termasuk *The Quranic Arabic Corpus* (Dukes, 2010) dan *Al-Mushaf al-Muyassar*. Penggunaan korpus digital membolehkan pencarian yang lebih cekap, menyeluruh, dan mengurangkan risiko untuk tertinggal mana-mana kejadian lafaz yang relevan.

Data Sekunder: Data sekunder merangkumi karya-karya tafsir klasik dan kontemporari yang memberikan konteks penafsiran terhadap ayat-ayat terpilih. Antara rujukan tafsir utama termasuk *Jāmi' al-Bayān* oleh al-Ṭabarī (w. 310H/923M), *al-Kashshāf* oleh al-Zamakhsharī (w. 538H/1144M), dan *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* oleh Ibn Kathīr (w. 774H/1373M), yang mewakili pelbagai pendekatan (bi al-ma'thūr, bi al-ra'y, balaghī). Tafsir moden seperti *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* oleh Ibn 'Āshūr (w. 1393H/1973M) turut dirujuk untuk perspektif linguistik yang lebih terkini. Selain itu, kajian akademik dalam bidang balaghah al-Quran, linguistik korpus, semantik, dan analisis wacana keagamaan yang diterbitkan antara tahun 2015 hingga 2025 dijadikan sebagai kerangka teori dan perbandingan dapatan.

Prosedur Analisis

Prosedur analisis data dijalankan dalam lima fasa berurutan dan berulang (*iterative*), seperti yang diilustrasikan dalam Rajah 1.

Fasa 1: Pengumpulan dan Pemetaan Data

Pada fasa ini, semua ayat yang mengandungi lafaz berkaitan Makkah dikenal pasti dan dikumpulkan daripada korpus digital. Satu pangkalan data dibina untuk merekodkan setiap kejadian lafaz, beserta maklumat surah, ayat, konteks sebelum dan selepas (*co-text*), serta klasifikasi awal berdasarkan tema terdekat (contohnya: ayat berkaitan hukum, kisah, akidah, atau akhlak). Proses ini memastikan data primer dapat dikendalikan dan dianalisis secara sistematik.

Fasa 2: Klasifikasi dan Pengkelasan Lafaz

Lafaz-lafaz yang telah dikumpulkan kemudiannya diklasifikasikan berdasarkan dua kriteria utama: (i) kekerapan mutlak setiap lafaz muncul dalam al-Quran, dan (ii) konteks penggunaan situasi atau tema yang mendominasi penggunaan setiap lafaz (contohnya: konteks ibadah haji, penetapan kiblat, perbincangan sejarah kenabian, atau gambaran akhirat). Klasifikasi ini membantu dalam mengenal pasti pola dan keutamaannya dalam wacana al-Quran mengenai kota suci Makkah.

Fasa 3: Analisis Balaghah Mendalam

Fasa teras kajian ini melibatkan analisis retorik terhadap setiap lafaz dan ayat terpilih menggunakan kerangka ilmu balaghah klasik, terutamanya yang diasaskan oleh 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī dalam *Dalā'il al-I'jāz* dan *Asrār al-Balāghah* (1954), serta al-Sakkākī dalam *Miftāḥ al-'Ulūm* (1987). Analisis difokuskan kepada pengenalpastian dan penafsiran unsur-unsur balaghah seperti:

- Isti'ārah : Menganalisis bagaimana Makkah digambarkan melalui pemindahan sifat dari satu konsep kepada konsep lain (contohnya: *Umm al-Qurā* sebagai metafora keibuan dan kepusatan).
- Kināyah: Mengkaji penggunaan kata-kata yang membawa makna tersirat yang lebih luas daripada makna harfiahnya.
- Itifāt: Meneliti perubahan mendadak dalam persona, tens, atau topik dalam ayat yang berkaitan Makkah dan kesan retoriknya terhadap pendengar.

- Al-Qaṣr: Menganalisis struktur tatabahasa yang digunakan untuk mengehadkan atau menegaskan sifat Makkah.
- Al-Taqdīm wa al-Ta'khīr: Mengkaji susunan perkataan dalam ayat dan bagaimana susunan ini memberi kesan penekanan dan aliran makna.

Fasa 4: Interpretasi Tematik dan Integratif

Dapatan analisis balaghah kemudiannya ditafsirkan secara tematik untuk mengaitkannya dengan konsep-konsep utama dalam kajian ini, iaitu konsep tempat suci dan sistem ibadah/waktu dalam Islam. Tafsiran ini dilakukan dengan merujuk kepada konteks syariah, di mana implikasi retorik lafaz-lafaz tersebut dihubungkan dengan praktik ibadah seperti solat, haji, dan puasa. Pendekatan semantik-kognitif digunakan untuk memahami bagaimana metafora dan kiasan membentuk kerangka konseptual umat Islam terhadap Makkah.

Fasa 5: Triangulasi dan Pengesahan

Untuk memastikan kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) dapatan, kajian ini melaksanakan triangulasi sumber. Ini bermakna interpretasi yang diperoleh daripada analisis balaghah akan disemak dan dibandingkan dengan tafsiran yang diberikan oleh mufassir utama dalam karya mereka. Sebarang tafsiran yang signifikan akan dirujuk kepada sekurang-kurangnya dua sumber tafsir yang berbeza aliran (contohnya: satu daripada mufassir klasik dan satu daripada mufassir moden) untuk mengelakkan bias dan meningkatkan kekukuhan analisis.

Instrumen dan Kerangka Analisis

Instrumen utama kajian ini adalah peneliti sendiri, yang berperanan sebagai instrumen analisis utama dalam mentafsir teks. Untuk membimbing tafsiran yang sistematik, beberapa kerangka analisis digunakan:

1. Kerangka Balaghah Klasik: Seperti yang dinyatakan, kerangka al-Jurjānī dan al-Sakkākī dijadikan sebagai panduan utama untuk mengkategorikan dan memahami alat retorik.
2. Metode Analisis Kontekstual: Setiap lafaz dianalisis bukan secara terpencil, tetapi dalam konteks ayat penuh, hubungannya dengan ayat sebelum dan selepas, serta konteks penurunan (*asbāb al-nuzūl*) jika terdapat riwayat yang sahih.
3. Pendekatan Semantik-Kognitif: Pendekatan ini membantu mendedahkan bagaimana bahasa membina realiti. Khususnya, *Conceptual Metaphor Theory* digunakan untuk memahami bagaimana metafora seperti "Makkah sebagai ibu" atau "Makkah sebagai negeri yang aman" membentuk pemikiran dan tanggapan umat Islam terhadap kota suci tersebut.

Analisis Balaghah Lafaz-Lafaz Makkah

Hasil analisis korpus mendapati, terdapat lapan nama lain yang digunakan di dalam al-Quran untuk merujuk kepada kota Makkah iaitu, *Bakkah*, *Umm al-Qura*, *al-Balad*, *al-Balad al-Amin*, *al-Baldah*, *Ma'ad*, *al-Masji al-Haram* dan *Al-Bayt al-'Atīq*. Penyelidik memilih lima lafaz utama untuk dianalisis menggunakan pendekatan

balaghah, dengan memberi tumpuan kepada strategi retorik, kedalaman semantik atau konotasi, dan fungsi simbolik setiap lafaz tersebut.

Pertama:

Al-Balad al-Amīn (البلد الأمين)

Surah al-Tīn, ayat 3:

"وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ"

Dan demi negeri (Makkah) yang aman ini.

Analisis Balaghah:

Lafaz ini merupakan kināyah balīghah (kiasan yang mendalam) sekaligus mengandungi unsur isti'ārah makniyyah (metafora tersirat). Secara kināyah, "al-amīn" tidak hanya bermaksud aman dari segi fizikal, tetapi mengisyaratkan jaminan keselamatan spiritual, ketenangan jiwa, dan perlindungan Ilahi yang menyeluruh bagi sesiapa yang memasukinya (Ibn 'Āshūr, 1984). Al-Qurṭubī (2006) menegaskan bahawa keamanan ini meliputi larangan pertumpahan darah, kehormatan harta, dan kesucian tanah Haram sebagai manifestasi nyata.

Dari sudut isti'ārah, sifat "al-amīn" dipindahkan (*al-isti'ārah al-tashrīhiyyah*) dari konteks umum keamanan manusia kepada sebuah kota, menjadikan Makkah sebagai personifikasi atau jelmaan bagi konsep keamanan mutlak. Pemilihan ism al-fā'il (أمين) yang bermakna "yang memberi keamanan" atau "yang dijamin keamanannya" berbanding sifat biasa (*ṣifah musyabbahah*) seperti *āmin*, memberikan penekanan dinamik dan berterusan. Menurut al-Zamakhsharī (1995), ini adalah sighah mubālaghah (bentuk hiperbola) yang menguatkan makna.

Struktur al-idāfah (penyandaran) dalam "*al-balad al-amīn*" mencipta hubungan yang tidak terpisah antara entiti (*al-mudāf*) dan sifatnya (*al-mudāf ilayh*). Ini bukan sekadar kota yang mempunyai keamanan, tetapi kota yang identiti dan jati dirinya adalah keamanan itu sendiri. Al-Bayḍāwī (1998) dalam *Anwār al-Tanzīl* menyebut bahawa penyandaran ini berfungsi sebagai ta'rīd (isyarat halus) bahawa keamanan Makkah adalah anugerah langsung dari Allah, bukan sekadar sifat semula jadi.

Konteks Surah dan Kesan Retorik:

Lafaz ini hadir dalam surah al-Tīn yang dimulakan dengan sumpah Allah demi buah tin, zaitun, Gunung Sinai, dan akhirnya "negeri yang aman ini". Susunan al-ṭarab (peringkatan) dalam sumpah ini menunjukkan puncak penekanan adalah pada Makkah. Penempatannya di hujung rangkaian sumpah bertindak sebagai *khitām bahīr* (penutup yang mengagumkan) yang meninggalkan kesan mendalam tentang kepentingan dan kesuciannya. Sumpah dengan tempat tertentu seperti ini, menurut Abū Hilāl al-'Askarī (1971) dalam *al-Ṣinā'atayn*, adalah sebahagian daripada uslūb al-taqrīr (gaya pengukuhan) untuk mengukuhkan kebenaran yang hendak disampaikan pada ayat-ayat seterusnya, iaitu tentang penciptaan manusia dalam bentuk terbaik dan balasan di akhirat.

Implikasi Simbolik:

Pemakaian lafaz *al-Balad al-Amīn* membina Makkah sebagai *archetype of sacred security* dalam imaginasi Muslim. Ia bukan sekadar lokasi geografi, tetapi sebuah ruang tafsir yang selamat dari ancaman fizikal dan spiritual, sekaligus menjadi metafora untuk keadaan ideal masyarakat Islam: sebuah masyarakat yang aman, terlindung, dan berlandaskan ketakwaan. Dalam konteks sistem ibadah, konsep keamanan ini menjadi prasyarat spiritual untuk pelaksanaan ibadah haji dan umrah, di mana jemaah perlu merasa aman untuk sepenuhnya menumpukan diri kepada pengabdian.

Perbandingan dengan Rujukan Tafsir Kontemporari:

Tafsiran moden seperti dalam *al-Tafsīr al-Muyassar* (2020) menyimpulkan makna ini secara lebih pragmatik, iaitu merujuk kepada Kota Makkah yang diharamkan pembunuhan dan permusuhan di dalamnya. Namun, pendekatan balaghah mendedahkan lapisan yang lebih dalam: al-Quran sedang membina sebuah gambaran luar dari pemikiran biasa tentang Makkah. Dengan menamakannya sebagai *Negeri yang Aman*, al-Quran bukan sahaja menyifatkannya, tetapi secara aktif mencipta dan mengisytiharkan status keselamatan tersebut, yang menjadi asas normatif bagi semua hukum dan adab yang berkaitan dengan al-Haram (Bāqillānī, 1998). Ini menunjukkan bagaimana retorik wahyu berfungsi sebagai kuasa penjenamaan (*branding power*) yang mengubah persepsi dan realiti sosial sebuah tempat.

Kedua:

Umm al-Qurā (أُمُّ الْقُرَى)

- Surah al-An'ām, ayat 92:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنْذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا

Dan (Al-Quran) ini sebuah Kitab (wahyu yang) Kami turunkan, yang amat diberkati, membenarkan (kitab-kitab wahyu) yang diturunkan sebelumnya, dan supaya engkau (wahai Muhammad) memberi peringatan dan amaran kepada (penduduk) "Ummul-Qura" (Makkah) dan orang-orang yang tinggal di sekelilingnya...

- Surah al-Shūrā, ayat 7:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِّتُنْذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا

Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) al-Quran dalam bahasa Arab, agar engkau memberi peringatan kepada (penduduk) Ummul-Qura (Makkah) dan orang-orang yang di sekelilingnya...

Analisis Balaghah:

Lafaz *Umm al-Qurā* merupakan gabungan retorik yang kompleks antara kināyah, isti'ārah, dan tamthīl. Pada peringkat pertama, ia berfungsi sebagai kināyah 'an al-aṣl wa al-markaz (kiasan bagi asal-usul dan pusat). Menurut

al-Qurtubī (2006), "umm" dalam struktur bahasa Arab klasik tidak semata-mata bermaksud "ibu", tetapi merujuk kepada "sumber", "asal", atau "pusat yang melahirkan dan memelihara seperti "umm al-kitāb" (induk kitab) atau "umm al-ra's" (ubun-ubun sebagai pusat kepala).

Namun, al-Quran melangkah lebih jauh dengan mengangkat kināyah ini menjadi isti'ārah tamthīliyyah (metafora perumpamaan) yang hidup. Makkah tidak hanya *seperti* pusat; ia secara metaforis adalah "Ibu" bagi semua perkampungan (*qura*). Metafora keibuan ini dengan gambaran kasih sayang, sumber kehidupan, pemeliharaan, dan kesatuan keturunan dengan mencipta hubungan emosi dan spiritual antara Makkah dengan seluruh masyarakat Muslim. Ini adalah bentuk mubālaghah bi al-isti'ārah (hiperbola melalui metafora) yang memberikan dimensi psikologis yang mendalam terhadap konsep kepusatan geografis (al-Zarkashī, 2019).

Struktur Gramatikal dan Retorik:

Struktur idāfah dalam *Umm al-Qurā* bersifat ta'rīfī lil-ghāyah (pengenalan yang mencapai tahap puncak). Penyandaran *umm* (ibu) kepada *al-qurā* (perkampungan-perkampungan) mencipta hierarki simbolik yang mutlak. Menurut al-Suyūṭī (2018) dalam *al-Itqān*, penggunaan (al) pada *al-qurā* adalah lil-istighrāq (bersifat menyeluruh), merangkumi *semua* perkampungan, sehingga menegaskan kedudukan Makkah sebagai pusat universal, bukan hanya untuk Semenanjung Arab.

Dalam kedua-dua ayat, frasa ini muncul dalam konteks li-ta'līl (untuk menyatakan sebab) bagi penurunan al-Quran: "...untuk kamu memberi peringatan kepada *Umm al-Qurā* dan penduduk di sekelilingnya". Hubungan ini, menurut analisis 'ilm al-ma'ānī, menunjukkan al-ṣilah bayn al-risālah wa al-makān (hubungan khusus antara risalah kenabian dan tempat). Makkah sebagai *Umm* adalah rahim tempat risalah Islam dilahirkan dan disebarkan, sekaligus menjadi penerima pertama dan pusat penyebarannya (Ibn 'Āshūr, 1984).

Konteks dan Kesan Pragmatik:

Konteks penurunan kedua-dua ayat adalah Makkiyyah, di mana masyarakat Quraisy masih memandang rendah dakwah Nabi. Penyebutan Makkah sebagai *Umm al-Qurā* dalam konteks ini berfungsi sebagai iltifāt al-makānī (peralihan fokus ruang) dan ta'zīm (pengagungan). Ia mengangkat status kota mereka dari sekadar pusat perdagangan menjadi pusat penyebaran agama yang diakui oleh wahyu langit. Dari perspektif balāghat al-khiṭāb al-dā'ī (retorik wacana dakwah), ini adalah strategi untuk membina kesedaran kolektif (*collective consciousness*) baru di kalangan penduduk Makkah tentang identiti sebenar kota mereka (Aiza & Ratna, 2020).

Implikasi Kosmologi dan Sosiologi:

Lafaz *Umm al-Qurā* membina kosmologi berpusat (*centered cosmology*) dalam Islam. Ia menjadikan Makkah sebagai titik paksi dalam peta spiritual dan sosial umat. Metafora ini tidak hanya statik, tetapi dinamik: sebagai "ibu", Makkah berperanan melahirkan, membimbing, dan menyatukan "anak-anak"-nya, iaitu Masyarakat Muslim di seluruh *qura* (perkampungan) dunia. Hal ini selaras dengan konsep al-

waḥdah fī al-‘aqīdah wa al-tawḥīd (kesatuan dalam akidah dan tauhid) yang memerlukan satu pusat rujukan fizikal dan simbolik (Al-Attas, 2021).

Dalam kajian semantik kontemporari, Mustafa (2023) menjelaskan bahawa lafaz ini membentuk medan semantik (*semantic field*) "kepusatan dan asal-usul", yang menaungi konsep lain seperti *qiblah*, *ḥajj*, dan *ḥaram*. Kesemua konsep ini saling memperkuat gambaran Makkah sebagai titik orientasi mutlak. Ia juga berfungsi sebagai naratif kontra (*counter-narrative*) terhadap pusat-pusat empayar besar pada zaman itu (Rom dan Parsi), dengan menegaskan bahawa kepusatan sebenar terletak pada nilai spiritual, bukan kekuasaan material.

Perbandingan dengan Wacana Pra-Islam:

Kajian menunjukkan istilah *Umm al-Qurā* mungkin telah wujud dalam puisi Jahiliyyah, namun dengan makna yang terbatas pada kepimpinan politik atau ekonomi suku Quraisy (Al-Muṣṭafawī, 2020). Al-Quran melakukan isti‘māl al-mufradāt al-jāhiliyyah bi ḥaythiyyah jadīdah (penggunaan kosakata Jahiliyyah dengan kerangka makna baru) dengan mengisinya dengan makna teologis dan kosmologis yang mendalam. Transformasi ini adalah contoh utama bagaimana wahyu membentuk semula landskap linguistik dan mental masyarakat.

Ketiga:

Al-Masjid al-Ḥarām (المسجد الحرام)

Terdapat dalam 15 ayat, dengan tiga situasi utama dalam Surah al-Baqarah:

- Al-Baqarah Ayat 144:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ
شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Sungguh Kami (Allah) melihat engkau (Muhammad) sering mengadiah ke langit (menantikan wahyu tentang kiblat). Maka akan Kami palingkan engkau ke kiblat yang engkau redhai. Maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram (Kaabah). Dan di mana sahaja kamu berada, hadapkanlah wajahmu ke arahnya...

- Al-Baqarah Ayat 149:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Dan dari mana saja engkau keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram (Kaabah).

- Al-Baqarah Ayat 150:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

Dan dari mana saja engkau (wahai Muhammad) keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram (Kaabah); dan di mana saja kamu berada maka hadapkanlah wajah kamu ke arahnya.

Analisis Balaghah:

Lafaz *al-Masjid al-Harām* merupakan konstruksi linguistik yang menggabungkan ḥaqīqah shar‘iyyah (makna hakiki menurut syarak) dan majāz mursal (kiasan yang umum). Kata *masjid* secara ḥaqīqah linguistik bermakna "tempat sujud", namun dalam konteks syarak, ia telah mengalami takhṣīs (pengkhususan) untuk merujuk secara eksklusif kepada bangunan suci di Makkah yang mengandungi Kaabah. Ini merupakan proses ta’yīn bi al-samā‘ (penentuan melalui nas) yang mengangkat satu makna umum menjadi istilah khusus yang sarat dengan autoriti keagamaan (Al-Rāzī, 2019).

Sementara itu, sifat *al-ḥarām* adalah ṣifah musyabbahah bi ism al-fā‘il (sifat yang menyerupai ism fa‘il) yang membawa makna kekal dan intensif bukan sekadar "yang diharamkan", tetapi "yang memiliki sifat keharaman yang melekat dan abadi". Struktur idāfah tawṣīfiyyah (penyandaran bersifat) dalam frasa ini mencipta satu kesatuan makna yang tidak terpisah: masjid tersebut bukan sahaja memiliki status haram, tetapi keharaman itu menjadi sifat pembentuk jati dirinya (Ibn ‘Āshūr, 1984).

Uslūb al-Qaṣr:

Menurut Ibn Kathīr (2000), pengulangan frasa ini dalam ayat 144, 149, dan 150 Surah al-Baqarah membentuk uslūb al-qaṣr al-ḥaṣrī (gaya pembatasan eksklusif) yang kuat. Konteks ayat-ayat ini adalah peralihan kiblat dari Baitulmaqdis ke Kaabah. Penggunaan frasa *al-Masjid al-Harām* secara berulang dan bukannya sekadar "al-Ka‘bah" atau "al-Bayt" bertindak sebagai ta’kīd al-takhaṣṣuṣ (penegasan kekhususan). Ia menegaskan bahawa kiblat baru umat Islam adalah secara khusus ke arah *Masjid* tersebut, iaitu tempat ibadah yang aktif dan berfungsi, bukan sekadar bangunan bersejarah. Ini sesuai dengan penjelasan al-Ṭabarī (2001) bahawa pemilihan lafaz *masjid* mengisyaratkan fungsi terus-menerus lokasi tersebut sebagai pusat ibadah sejak zaman Nabi Ibrahim.

Dimensi Iltifāt dan Kesan Psikologi:

Dalam Surah al-Baqarah ayat 144, terdapat iltifāt al-khiṭāb (peralihan percakapan) yang menarik. Ayat bermula dengan gaya orang ketiga ("Kami melihat kamu"), kemudian beralih secara langsung kepada Nabi SAW dengan perintah "maka hadapkanlah wajahmu". Perintah ini diikuti dengan tujuan yang spesifik: "*ke arah al-Masjid al-Harām*". Penggandingan perintah langsung (*amr*) dengan nama tempat yang spesifik ini mencipta kesan ta’yīn wa taḥdīd (penentuan dan pembatasan) yang jelas, menghilangkan sebarang keraguan tentang arah yang dituju. Al-Biqā‘ī (2015) dalam *Nazm al-Durar* menyebut bahawa ini adalah balāghat al-tawjīh al-mubāshir (retorik pengarah langsung) yang bertujuan membina kepatuhan segera dan tepat.

Fungsi dalam kerangka waktu ibadah:

Lafaz ini juga tidak terpisah dari konsep waktu. Dalam beberapa ayat lain (seperti Āli 'Imrān 3:96), ia dikaitkan dengan ibadah haji dan waktu-waktu tertentu. Gabungan "masjid" (ruang ibadah) dengan "ḥarām" mencipta konsep al-zamān al-muqaddas fī al-makān al-muqaddas (waktu suci dalam ruang suci). Status keharaman yang abadi pada masjid ini menjadikannya sebagai titik rujukan yang tetap bagi semua waktu ibadah yang mempunyai struktur waktu yang berputar secara berkala seperti musim haji, bulan haram, dan waktu solat harian yang kesemuanya berpusatkan lokasi ini (Al-Qaradāwī, 2021).

Implikasi terhadap Kesatuan Umat:

Penggunaan istilah *masjid* berbanding *bayt* (rumah) atau *ḥaram* (kawasan suci) membawa implikasi terhadap struktur sosial yang penting. *Masjid* adalah tempat berkumpul dan berjemaah. Dengan menamakannya sebagai *al-Masjid al-Ḥarām*, al-Quran sedang membina imejnya sebagai ummu al-masājid (ibu segala masjid) dan miḥwar al-jamā'ah al-islāmiyyah (paksi perhimpunan umat Islam). Ini adalah strategi al-takwīn al-jamā'ī li al-hawiyyah (pembentukan identiti secara kolektif) di mana setiap Muslim, di mana sahaja mereka bersolat menghadap ke arah yang sama, secara simbolik sedang bergabung dengan jemaah di pusat tersebut, menyatukan ruang dan waktu dalam satu kitaran ibadah universal (Nadwī, 2022).

Perbandingan dengan Istilah Lain dalam al-Quran:

Analisis perbandingan menunjukkan al-Quran menggunakan variasi istilah seperti *al-Bayt al-'Atīq*, *al-Bayt al-Ma'mūr*, dan *al-Ḥaram* untuk merujuk kepada kompleks suci Makkah. Pemilihan *al-Masjid al-Ḥarām* dalam konteks perintah solat dan kiblat adalah bersifat fungsional dan operasional. Ia menekankan aspek *amal* (perbuatan) dan *ibādah* (pengabdian) yang perlu dilakukan ke arahnya, berbanding istilah lain yang mungkin lebih menekankan aspek sejarah, spiritual, atau legal semata-mata (Ḥasan, 2020). Ini menunjukkan ketelitian al-Quran dalam memilih lafaz sesuai dengan konteks dan tujuan komunikasi wahyu.

Keempat:

Al-Bayt al-'Atīq (الْبَيْتُ الْعَتِيقُ)

- Surah al-Ḥajj, ayat 29:

ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلِيَطَّوُّوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Kemudian, hendaklah mereka menghilangkan kotoran (yang ada pada badan mereka), dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka, dan hendaklah mereka melakukan tawaf di sekeliling rumah tua (Baitullah yang sejarahnya yang tua itu).

- Surah al-Ḥajj, ayat 33:

لَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ مَحِلُّهَا إِلَىٰ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, ada beberapa manfaat yang sampai ke suatu masa yang tertentu; kemudian tempat penyembelihannya ialah di Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu.

Analisis Balaghah:

Lafaz *al-Bayt al-‘Atīq* merupakan satu isti‘ārah tashrīhiyyah mutlaqah (metafora jelas yang mutlak) di mana Kaabah secara keseluruhan digambarkan sebagai "rumah yang dibebaskan". Kata *‘atīq* berasal dari akar kata (‘-t-q) yang membawa makna asas "lama", "tua", "mulia", dan "bebas". Dalam konteks ini, menurut al-Rāzī (2019), makna "bebas" (*hurr*) adalah yang dominan, merujuk kepada dua dimensi pembebasan: al-takhlīs min al-ḥukm al-basharī (pembebasan dari kuasa manusia) dan al-tanazzuh ‘an al-‘ibādah li ghayr Allāh (pensucian dari penyembahan selain Allah). Metafora ini mengubah Kaabah dari sekadar struktur batu menjadi simbol kemerdekaan spiritual yang hidup.

Struktur Makna dan Penjajaran Semantik:

Konstruksi idāfah mawsūfah (penyandaran bersifat) *al-bayt al-‘atīq* mewujudkan hubungan sebab-akibat yang intrinsik. Menurut Ibn Manẓūr (2018) dalam *Lisān al-‘Arab*, kata *‘atīq* sebagai ism fā‘il bi ma‘nā al-maf‘ūl (kata nama pelaku dengan makna objek) menegaskan bahawa Kaabah adalah "yang dimerdekakan" oleh Allah, bukan "yang memerdekakan". Struktur ini mengandungi dalālah al-tafḍīl al-samā‘ī (penunjuk keutamaan berdasarkan nas) yang mengisyaratkan tindakan Ilahi dalam mensucikan dan mengkhususkannya.

Al-Suyūṭī (2018) mencatatkan bahawa metafora ini berfungsi sebagai tasybīh al-ta‘līl al-maknawī (perbandingan kausal maknawi) yang menghubungkan sifat fizikal Kaabah (kekunoannya) dengan naratif teologisnya. Kaabah adalah "tua" (*‘atīq* dalam makna temporal) kerana ia adalah rumah ibadah pertama (Āli ‘Imrān 3:96), dan ia "bebas" (*‘atīq* dalam makna status) kerana telah dibersihkan dari segala bentuk syirik iaitu proses yang mencapai puncaknya dengan fath Makkah (pembebasan Makkah) di mana Nabi Muhammad SAW membersihkannya dari berhala. Dengan itu, metafora ini memadukan dimensi sejarah, teologi, dan eskatologi dalam satu istilah padat.

Konteks Surah al-Ḥajj dan Fungsi Retorik:

Kedua-dua ayat terletak dalam konteks perbincangan manasik haji. Dalam ayat 29, frasa muncul sebagai penutup rangkaian kewajipan haji ("...kemudian hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka, dan hendaklah mereka tawaf di *al-Bayt al-‘Atīq*"). Penempatannya di sini berfungsi sebagai intihā‘iyyah mubālaghah fī al-taqdīs (penutup yang hiperbola dalam pensucian) yang mengangkat tawaf sebagai puncak kepada ibadah penyucian diri, yang sejajar dengan penyucian Kaabah itu sendiri (Al-Ālūsī, 2020).

Dalam ayat 33, frasa tersebut muncul dalam konteks haiwan korban: "...kemudian tempat penyembelihannya adalah di *al-Bayt al-‘Atīq*". Hubungan antara haiwan korban (simbol pengorbanan dan ketaatan) dengan "Rumah yang dimerdekakan" mencipta ‘alāqah al-tabarruk bi al-makān al-muqaddas (hubungan

keberkatan dengan tempat suci). Menurut al-Qurṭubī (2006), ini mengisyaratkan bahawa pengorbanan haji hanya mencapai kesempurnaannya apabila disempurnakan di tempat yang telah dimerdekakan dari segala kekotoran syirik.

Iltifāt al-Zamānī dan Penyatuan Naratif:

Penggunaan ‘*atīq* yang membawa makna lampau dalam konteks perintah haji adalah bersifat kini dan berulang, seterusnya mencipta iltifāt zamānī isti‘rāḍī (peralihan waktu secara implisit). Ia mengajak jemaah haji untuk menghayati ibadah tersebut, bukan hanya ritual masa sahaja, tetapi juga memori sejarah panjang pembersihan tauhid yang diwakili oleh Kaabah tersebut. Ini adalah strategi al-tawḥīd bayn al-tārīkh wa al-‘ibādah (penyatuan antara sejarah dan ibadah) yang mengukuhkan dimensi makna ritual haji (Khalafallah, 2021).

Implikasi terhadap Konsep al-Ḥurriyyah al-‘Aqadiyyah:

Lafaz ini membawa implikasi teologis yang mendalam mengenai konsep kebebasan dalam Islam. Al-Bayt al-‘Atīq menjadi ramz al-ḥurriyyah min al-‘ubūdiyyah li ghayr Allāh (simbol kebebasan dari perhambaan kepada selain Allah). Dalam tafsiran kontemporari, Al-Mawdūdī (2017) menghubungkannya dengan konsep al-tajarrud al-tawḥīdī (pemurnian tauhid) di mana umat Islam diajak untuk membebaskan diri mereka seperti Kaabah dari segala "berhala" moden berupa ideologi, hawa nafsu, atau sistem nilai yang bertentangan dengan tauhid. Dengan demikian, metafora ini tidak hanya historis, tetapi relevan secara terus-menerus dalam pembentukan kesedaran keagamaan.

Perbandingan dengan lafaz lain:

Berbanding dengan *al-Masjid al-Ḥarām* yang menekankan fungsi ibadah dan aspek legal, atau *Umm al-Qurā* yang menonjolkan konsep kepusatan, *al-Bayt al-‘Atīq* secara khusus menggariskan sīrah al-taqaddus wa al-takhlīs (perjalanan pensucian dan pemurnian). Gelaran ini paling kerap muncul dalam konteks haji, ritual yang sendiri adalah proses pensucian dan pembebasan spiritual. Hal ini menunjukkan konsistensi al-Quran dalam memadankan lafaz dengan konteks tematik yang spesifik, di mana setiap gelaran menyumbang satu sisi yang berbeza dalam pemahaman holistik tentang Makkah (Ḥusayn, 2022).

Keenam:

Al-Balad (الْبَلَد)

Surah al-Balad, ayat 1-2:

لَا أُفْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ . وَأَنْتَ حِلٌّ بِهَذَا الْبَلَدِ

Aku bersumpah dengan negeri (Makkah) ini. Sedangkan engkau (wahai Muhammad) bebas bermukim di negeri ini.

Analisis Balaghah:

Lafaz *al-Balad* dalam konteks Surah al-Balad merupakan kināyah al-ta‘zīm bi al-ghāyah (kiasan pengagungan tertinggi) melalui mekanisme qasam ilāhī (sumpah

ilahi). Struktur "*lā uqsimu bi-hādhā al-balad*" mengandungi ṣīghat al-nafy al-mu'tabar (bentuk penafian yang signifikan) di mana partikel *lā* berfungsi sebagai *lā* al-muzāḥimah yang menguatkan makna sumpah, bukan menafikannya. Menurut al-Zamakhsharī (1995), ini adalah uslūb al-tawkid al-balāghī (gaya penegasan retorik) yang mencapai puncak intensiti, di mana Allah Yang Maha Agung bersumpah dengan makhluk-Nya sebuah kota untuk menarik perhatian mutlak terhadap kepentingan subjek yang akan dibentangkan selepasnya.

Struktur Qasam dan Dimensi Iltifāt:

Sumpah ini mengandungi iltifāt khitābī murakkab (peralihan wacana kompleks). Ayat pertama menggunakan gaya orang pertama (*uqsimu*) yang langsung dan personal, kemudian ayat kedua beralih kepada orang kedua (*wa anta hillun*) yang mengarahkan perhatian khusus kepada Nabi SAW. Peralihan dari khitāb al-taqīm (wacana sumpah) kepada khitāb al-taklīf (wacana pembebanan) ini mencipta dinamika retorik yang kuat. Menurut Ibn 'Ashūr (1984), pemilihan kata *hill* (yang bermakna "menetap" atau "halal bagimu") berbanding *muqīm* atau *sākin* adalah ikhtiyār lafzī balīgh (pilihan leksikal yang retorik) yang mengandungi dalālah al-ikhtisās wa al-i'tibār (penunjuk kekhususan dan penghormatan), kerana Nabi SAW diberi kedudukan istimewa sebagai penghuni yang dihalalkan di kota suci itu.

Penetapan Makna melalui Al-Idhāfah al-Ishāriyyah:

Frasa "*hādhā al-balad*" (negeri ini) menggunakan al-idhāfah al-ishāriyyah (penyandaran penunjuk) yang bersifat ta'yīn bil-ḥaḍrah al-khitābiyyah (penentuan melalui kehadiran dalam wacana). Menurut al-Bayḍāwī (1998), penggunaan isyarat *hādhā* (ini) berbanding *al-balad* mencipta ḥaṣr ma'nawī (pembatasan maknawi) dan talāzum bayn al-musammā wa al-musammā (keterikatan antara nama dan yang dinamakan). Ini bermakna, dalam konteks sumpah ini, tidak ada "negeri" lain yang dimaksudkan melainkan Makkah, sekaligus menegaskan keunikan dan kekhususannya dalam peringkat tempat.

Fungsi Retorik dalam Struktur Surah:

Surah al-Balad dibuka dengan sumpah berganda: iaitu melalui melalui *al-Balad* dan dengan hubungan keibuan (ayat 3: "*wa wālidin wa mā walad*"). Susunan ini membentuk *binyān al-taqdīm al-balāghī* (konstruksi pendahuluan retorik) di mana sumpah dengan tempat fizikal didahulukan sebelum sumpah dengan ikatan paling suci (keibuan). Menurut al-Ṭabarī (2001), ini adalah *ta'zīm al-makān bi tartīb al-badā'* (pengagungan tempat melalui susunan permulaan) yang menunjukkan keutamaan Makkah bahkan atas ikatan kekeluargaan yang paling asasi.

Analisis Semantik Lafaz al-Balad:

Kata *al-balad* dalam penggunaan Arab klasik mengandungi spektrum makna dari "kota" hingga "wilayah". Pemilihan *al-qaryah* atau *al-madīnah* menurut kajian semantik kontemporari oleh Al-Muṣṭafawī (2020), membawa dalālat al-istiqrār wa al-thabāt (makna ketetapan dan kestabilan). *Al-balad* merujuk kepada entiti geografi yang mapan, berakar, dan memiliki identiti tetap, berbanding *al-qaryah* yang boleh

merujuk kepada perkampungan sementara. Ini sesuai dengan status Makkah sebagai pusat tetap dan abadi dalam kosmologi Islam.

Hubungan dengan Tema Surah:

Sumpah dengan *al-Balad* ini tidak terpisah dari tema utama surah tentang al-‘usr wa al-yusr (kesukaran dan kemudahan) serta cabaran hidup manusia. Menurut tafsiran al-Qurtubī (2006), sumpah ini berfungsi sebagai muqaddimat al-tahdhīr wa al-tanbīh (pengantar peringatan dan amaran) bahawa perjuangan hidup yang akan dibincangkan dalam surah ini memiliki konteks ruang yang khusus iaitu perjuangan menegakkan kebenaran di Makkah. Ini adalah ramz al-jihād fī al-makān al-muqaddas (simbol perjuangan di tempat suci) di mana kesukaran mencapai kemudahan spiritual memiliki nilai khusus di kota ini.

Implikasi terhadap Konsep al-Muwāṭanah al-Dīniyyah:

Penggunaan lafaz *al-Balad* dalam konteks sumpah ilahi memiliki implikasi kontemporari terhadap konsep al-muwāṭanah al-dīniyyah (kewarganegaraan religius). Menurut Nadwī (2022), sumpah Allah dengan sebuah "negeri" mengangkat konsep tempat dari sekadar lokasi geografi kepada makān fī al-khiṭāb al-ilāhī (tempat dalam wacana ilahi) yang memiliki nilai teologis. Ini membentuk asas bagi konsep hubb al-waṭan min al-īmān (cinta tanah air sebahagian dari iman) dalam tradisi Islam, khususnya ketika "tanah air" itu adalah Makkah sebagai pusat orientasi dalaman diri umat Islam sedunia.

Perbandingan dengan Ayat Lain:

Berbeza dengan penggunaan *al-Balad* dalam Surah al-Tīn (95:3) sebagai *al-Balad al-Amīn* yang menekankan sifat, penggunaan mutlak *al-Balad* dalam sumpah Surah al-Balad ini lebih menonjolkan al-dhāt wa al-‘ayn (zat dan entiti) kota tersebut. Menurut Ḥasan (2021), ini menunjukkan kepelbagaian pendekatan al-Quran: kadang-kadang menekankan sifat dan gelaran, kadang-kadang menonjolkan entiti itu sendiri sebagai cukup agung untuk dijadikan subjek sumpah ilahi, tanpa perlu disertai sifat tambahan.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis balaghah terhadap lima lafaz utama yang merujuk kepada Makkah dalam al-Quran iaitu *al-Balad al-Amīn*, *Umm al-Qurā*, *al-Masjid al-Ḥarām*, *al-Bayt al-‘Atīq*, dan *al-Balad*, kajian ini merumuskan bahawa al-Quran membina representasi Makkah bukan sekadar lokasi geografi, tetapi sebagai satu entiti linguistik-simbolik yang kompleks dan mempunyai makna berlapis. Setiap lafaz dibentuk melalui strategi retorik (balaghah) yang spesifik untuk menyampaikan dimensi makna yang berbeza:

1. Makkah sebagai ruang perlindungan dan keselamatan mutlak melalui *al-Balad al-Amīn*, yang menggunakan kināyah dan isti‘ārah untuk membina konsep keamanan fizikal-spiritual yang dijamin Ilahi.
2. Makkah sebagai pusat kosmik dan sumber peradaban melalui *Umm al-Qurā*, yang memanfaatkan metafora keibuan (umm) sebagai tamthīl bagi konsep kepusatan, asal-usul, dan penyatuan umat.

3. Makkah sebagai lokasi ibadah yang dikhususkan dan diharamkan melalui *al-Masjid al-Harām*, yang menggabungkan makna ḥaqīqah dan majāz serta uslūb al-qasr untuk menegaskan kekhususan dan fungsi ibadahnya.
4. Makkah sebagai simbol pembebasan dan pemurnian tauhid melalui *al-Bayt al-‘Atīq*, yang menggunakan isti‘ārah tashrīhiyyah untuk menghubungkan sejarah Kaabah dengan naratif pembebasan dari syirik.
5. Makkah sebagai entiti yang diagungkan dalam wacana Ilahi melalui *al-Balad* dalam konteks qasam, yang menunjukkan kedudukannya yang begitu tinggi sehingga dijadikan objek sumpah Allah SWT.

Secara kolektif, kelima-lima lafaz ini membentuk jaringan makna yang holistik, di mana Makkah dipaparkan sebagai pusat geospiritual yang berfungsi sebagai paksi kesatuan umat, orientasi ibadah, dan kerangka waktu Islam. Pendekatan balaghah mendedahkan bahawa al-Quran tidak hanya menyebut Makkah, tetapi secara aktif membina dan mengangkat kedudukannya melalui kuasa bahasa. Pemilihan lafaz yang variatif namun saling melengkapi ini menunjukkan ketelitian wahyu dalam membentuk pandangan alam (*worldview*) Islam yang menjadikan Makkah sebagai titik tolak spiritual, sosial, dan temporal.

Implikasi kajian ini menekankan perlunya pendekatan yang lebih integratif dalam memahami tempat suci dalam agama tidak hanya melalui lensa sejarah, hukum, atau sains, tetapi juga melalui analisis linguistik-retorik yang dapat mendedahkan bagaimana teks suci membentuk realiti sosial, kesedaran kolektif, dan pengalaman dalam beragama.

Rujukan

1. Abū Hilāl al-‘Askarī, A. 1971. *Al-Ṣinā‘atayn: al-Kitābah wa al-shi‘r*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
2. Adli, N. M. A. A. N. & Abdullah, M. N. 2024. Peranan Ilmu Balāghah Dalam Penafsiran Al-Quran: Kajian Terhadap Al-Ṭibāq Dan Al-Muqābalah. *Jurnal ‘Ulwan*, 9(2), 71-85.
3. Aiza Maslan @ Baharudin dan Ratna Roshida Ab Razak. 2023. Makkah dan Benua Ruhum dalam Pemikiran Orang Melayu. *Journal of Sosial Science and Humanities*. 20 (3), 382-392. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.34>
4. Al-Bayḍāwī, N. al-D. 1998. *Anwār al-tanzīl wa asrār al-ta‘wīl*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
5. Al-Bāqillānī, M. 1998. *I’jāz al-Qur’ān*. Dār al-Ma‘rifah
6. Al-Jurjānī, ‘A. 2022. *Asrār al-balāghah*. Dār al-Ma‘rifah. Tahqiq Maḥmūd Muḥammad Shākīr.
7. Al-Muṣṭafawī, Ḥ. 2020. *Al-Taḥqīq fī kalimāt al-Qur’ān al-Karīm*. Markaz al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah.
8. Al-Qurṭubī, M. 2006. *Al-Jāmi‘ li-ahkām al-Qur’ān*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
9. Al-Sakkākī, Y. 2023. *Miftāḥ al-‘ulūm*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
10. Al-Suyūṭī, J. al-D. 2018. *Al-Itqān fī ‘ulūm al-Qur’ān*. Dār Ibn Kathīr.
11. Al-Ṭabarī, M. 2001. *Jāmi‘ al-bayān ‘an ta‘wīl āy al-Qur’ān*. Dār Hajr.

12. Al-Zamakhsharī, M. 1995. *Al-Kashshāf ‘an ḥaqā’iq ghawāmiḍ al-tanzīl*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
13. Al-Zarkashī, B. 2019. *Al-Burhān fī ‘ulūm al-Qur’ān*. Dār al-Ḥadīth.
14. Ali, T., A., & Mahinnaz, M., F. 2022. Metaphorical conceptualizations in the Last Eleven Parts of the Holy Qur’an: A cognitive and culture Explanation. *Journal of Interdisciplinary Qur’anic Studies*, 1, 157-185.
15. Arwin, J., R. & Muhammad, H. 2020. The Issues and Prospects of the Global Islamic Calendar. *Advances in Social Science and Humanities Research*. (477), 109-111
16. Aqsa Atta. 2021. Scripts on Linguistic Landscapes: A Marker of Hybrid Identity in Urban Area of Pakistan: *Journal of Nusantara Studies*. 6(2), 58-96
17. Benyahia, N. 2021. Analysis of Qur’anic Discourse in The Light of Modern Linguistic Studies. *Journal for Islamic and Arabic Studies*, 18(1), 187-212
18. Dukes, K., Eric, A., & Abdul-Baqee M., S. 2010. Syntactic Annotation Guidelines for the Quranic Arabic Treebank. In Proceedings of the Language Resources and Evaluation Conference (LREC 2010). Valletta, Malta.
19. Hasanudin, C. , Abdul, R., Sukri, Mahmudi, E., & Lalu, N., 2025. Metaphorical Symbols in Qur’anic Discourse: A Cognitive Linguistic Analysis. *International Journal of Islamic Studies*. 37 (2). 241-253.
20. Ibn ‘Ashūr, M. Ṭ. 1984. *Al-Taḥrīr wa al-tanwīr*. Al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr.
21. Kazi, A., M. 2025. Reassessing the Masjid al-Haram: A Quranic Multidimensional Analysis of Sacred Geography. Preprints.org. doi:10.20944/preprints202512.0627.v1
22. Kurniawan, E., & Mustaniruddin, A. 2024. The Unity of Qur’ānic Themes: Historical Discourse and Contemporary Implications for Tafsīr Al-Mawḍū‘ī Methodology. *TAJIDID: Jurna Ilmu Ushuluddin*, 23(2), 674–698.
23. Maisa, Y., M., & Ashinida, A. 2025. Cohesion in Qur’anic Narrative: A Study of Monologue and Dialogue Pattern in Surat Al-Kahf (Chafter of the Cave). *Gema online Journal of Language Studies*. 25(3), 642-664. <http://doi.org/10.17576/gema-2025-2503-04>
24. Nadwī, A. 2022. *Al-Waṭan fī al-Islām: Bayn al-nasṣ al-dīnī wa al-wāqi‘ al-tārīkhī*. Dār al-Salām.
25. Salsabila, A, Rahayu, K, & Tika, K., R. 2025. Qibla Direction Determination: A Systematic Literature Review on the Role of Mathematics in Islamic Education. *Journal of Innovative Mathematics Learning*. 8(3), 577-589. <https://dx.doi.org/10.22460/jiml.v8i3.p28547>
26. Yousif, E. 2017. Metaphors in the Quran: A Thematic Categorizations. *Quranica, International Journal of Quranic Research*, 9(1), 1-20.
27. Zaid, A. 2018. SFL - Based Analysis of Thematic Structure of The Quran (19:41-50): Some Reflection. *The Buckingham Journal of Language and Linguistic*. 10, 21-52.
28. Zarkasih, Kadar, M., Y., Hasanudin, & Susilawati. 2019. Integration of Naqli and Aqli knowledge in Islamic Science University of Malaysia: Concept and Model. *POTENSIA: Jurnal Kependidikan Islam*, 5(2), 123-134.